

Pembangunan Model Pengajaran Hafazan Al-Quran Berasaskan Teori Al-Qabisi Dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (Kbt) Di Malaysia : Suatu Cadangan Awal

Ummu Hani bt Yusop

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 0173670028 E-Mail: ummuhaniyusop@gmail.com

Prof. Madya Dr. Mohamed Akhiruddin Bin Ibrahim (akhiruddin@usim.edu.my)

Dr. Zainora Binti Daud (zainora@usim.edu.my)

Abstrak

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) telah menjadi satu aspirasi sistem bagi mengukuhkan aliran pendidikan tahfiz di negara ini. Di samping itu, hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan murid tahfiz profesional berkepimpinan dan berdaya saing untuk memberi sumbangan kepada transformasi pendidikan negara. Selari dengan perkembangan ini, kajian ini diketengahkan bertujuan mencadangkan model pengajaran hafazan al-Quran dalam KBT untuk pelaksanaan guru-guru tahfiz dengan menggunakan pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (PRP) melalui tiga fasa. Fasa pertama mengenal pasti analisis keperluan untuk membangunkan model dengan menggunakan kaedah temu bual bersama enam orang guru pakar dalam bidang tahfiz, manakala fasa kedua pula ialah mereka bentuk dan membangunkan model pengajaran melibatkan sekumpulan pakar dengan menggunakan dua kaedah iaitu *Nominal Group Technique* (NGT) dan *Interpretive Structural Modelling* (ISM). Manakala fasa ketiga pula, menilai kebolegunaan model dengan menggunakan teknik kaedah *nominal Group Technique* (NGT) melibatkan 21 orang guru pakar dan 3 orang pegawai kurikulum Tahfiz di Bahagian Pendidikan Islam. Hasil kajian ini akan dapat membentangkan satu cadangan tatacara untuk menjalankan kajian reka bentuk dan pembangunan model pengajaran Hafazan al-Quran berasaskan teori abu hasan al-Qabisi dalam memperkasakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Malaysia. Kajian yang akan dijalankan ini diharap dapat menjadi nilai tambah bagi perkembangan kajian dalam bidang pendidikan tahfiz di samping memberi penambahbaikan pelaksanaan pengajaran guru bagi membantu menyerlahkan potensi dan perkembangan murid-murid tahfiz.

Kata Kunci : Model, Pengajaran, Hafazan al-Quran, al-Qabisi, Murid Tahfiz

PENGENALAN

Sistem pendidikan yang menggabungkan tahfiz dan akademik bertujuan untuk melahirkan golongan cendekiawan dan teknokrat agama⁸¹¹. Kesepaduan bidang pendidikan dan tahfiz ini dilihat sebagai pembina tamadun generasi al-Quran yang holistik pada masa akan datang. Di samping itu, proses dan kaedah pelaksanaan sistem pendidikan tahfiz di Malaysia pada Ketika ini telah mencapai satu standard yang tinggi bersamaan dengan sistem pendidikan yang lain⁸¹². Kurikulum yang dibangunkan pada masa kini juga menggunakan pakar-pakar dalam bidang Tahfiz dan diperakui oleh badan penilaian tertentu seperti contoh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang menilai dan membuat semakan kursus di semua IPTA/IPTS untuk menjamin kualiti sistem pendidikan tahfiz di Malaysia. Abd Rahman⁸¹³ menyatakan bahawa pada suatu masa dahulu masyarakat melihat golongan penghafaz al-Quran ini hanya boleh bekerja di masjid sebagai bilal dan imam, tetapi kini terbukti bahawa graduan tahfiz mampu bersaing dengan bidang yang lain dan diterima berkhidmat dalam pasaran kerja yang pelbagai.

Jika diperhalusi dengan mendalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyarankan sekolah-sekolah KBT ini untuk menyediakan murid yang bakal menjadi ulama, cendekiawan dan penghafaz al-quran yang berkaliber serta bersaing dengan baik dalam sistem Pendidikan⁸¹⁴. Maka dengan itu, Pengajaran guru-guru tahfiz perlulah dilaksanakan mengikut aspirasi dan acuan kurikulum yang telah dibentangkan oleh KPM. Pengajaran merupakan satu proses aktiviti dan interaktif dengan mempunyai tujuan tertentu, ia juga sebagai tempat untuk menyampaikan maklumat, memberi peluang dan pengalaman untuk memupuk nilai yang boleh memberi perubahan tingkah laku murid⁸¹⁵. Pengajaran seorang guru menjadi lebih menarik sekiranya guru itu mempelbagaikan kaedah pengajaran⁸¹⁶. Dalam pada itu, amalan merancang pengajaran tahfiz adalah perkara yang paling asas dalam pengajaran dan pembelajaran dan perlu dibuat penambahbaikan dan memperbanyakkan rujukan dalam pengajaran dari masa ke semasa⁸¹⁷. Justeru itu penelitian yang baik dan jelas perlu dibuat bagi memastikan sekolah tahfiz di bawah KPM berjaya dalam halatuju dan matlamat.

⁸¹¹ Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah Rosma Osman, Rabi'atul Athirah Muhamad Isa, and Rosma Osman, 'Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab: Kajian Di Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur.' (Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM, 2016), 117–29.

⁸¹² Abd Rahman Abd Ghani, 'Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahfiz Malaysia Ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih' (Kuala Kubu Bharu: Darul Quran Jakim, 2016), 5–9.

⁸¹³ Ibid.

⁸¹⁴ KBT, 'Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz', 2015.

⁸¹⁵ Nor Asniza Ishak, Hazri Jamil, and Nordin Abd Razak, *Pedagogi Meningkatkan Kualiti Intelektual Pelajar*, ed. Nor Azlina Mohd Zubaidi (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia USM, 2020).

⁸¹⁶ Juriah Long, *Kaedah Pengajaran & pembelajaran Bahasa Melayu*, 1st ed. (Bangi: penerbit UKM, 2010).

⁸¹⁷ Mohamad Marzuqi, Abdul Rahim, and Azmil Hashim, 'Pendekatan Pengajaran Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia Teaching Approaches among the Tahfiz Al-Quran Lecturer in Malaysia', *Jurnal Perspektif: Special Issue 1* (2017): 79.

KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibawah Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) berkerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menggubal Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) berdasarkan kurikulum tahfiz di institusi tahfiz yang pelbagai di Malaysia. Komponen penting dalam KBT adalah pengintegrasian mata pelajaran tahfiz al-Quran bersama dengan mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan murid tahfiz perlu menghabiskan 30 juzuk al-Quran sepanjang lima tahun pembelajaran di peringkat sekolah menengah ⁸¹⁸. Punca kuasa dalam melaksanakan kurikulum ini bermula kelulusan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) pada 26 Jun 2012, Serta mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) bertarikh 27 Julai 2012 supaya dijadikan KBT sebagai Kurikulum Kebangsaan. Majlis Raja-Raja kali 231 yang bertarikh 27 Februari 2013 memperkenankan dan menyetujui kurikulum ini ⁸¹⁹

Kurikulum Bersepadu Tahfiz yang dilaksanakan bermula tahun 2014 sehingga kini mempunyai beberapa objektif iaitu yang pertama adalah melahirkan modal insan yang menghafaz dan memahami 30 juzuk al-Quran; kedua, melahirkan modal insan yang boleh menjalinkan hubungan dengan Allah, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah; ketiga, melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang keagamaan dan profesional berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah; dan keempat, melahirkan modal insan yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir serta berfikiran kreatif dan inovatif⁸²⁰

Pelaksanaan KBT di sekolah-sekolah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan(SABK) dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) telah menunjukkan usaha KPM untuk memastikan laluan pengajian yang sesuai untuk murid tahfiz di peringkat sekolah menengah, hasrat ini sejajar dengan Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menyatakan kepentingan mengukuhkan laluan pendidikan agama dalam sistem pendidikan Malaysia ⁸²¹. Hifz al-Quran yang diperkenalkan dalam KBT merupakan salah satu daripada mata pelajaran yang penting yang dipertanggungjawabkan kepada guru tahfiz. Langkah pelaksanaan pengajaran hifz al-Quran merangkumi aktiviti yang telah disusun seperti Tahriri hafazan, Hafazan baru, Tahdir, Tasmik, Murajaah dan Fiqh al-ayat dalam tempoh lima tahun persekolahan di bawah bimbingan guru ⁸²².

⁸¹⁸ KBT, 'Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz', 2015.

⁸¹⁹ KPM, 'Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil 1 2016 : Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab Di Sekolah Menengah KPM.', 2016.

⁸²⁰ Ibid.

⁸²¹ KPM, 'Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025(Pendidikan Pra Sekolah Hingga Lepas Menengah)', 2013.

⁸²² Sri Andayani Binti Mahdi Yusuf, 'Kesediaan Dan Amalan Guru Dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (Kbt) Sekolah Menengah Di Malaysia' 2019.

Biografi al-Qabisi

Abu Hasan Ali bin Muhammad bin Khalaf al-Muafiri al-Qairawani adalah nama lengkap bagi imam al-Qabisi, dilahirkan di kota Qairawan Tunisia pada bulan rejab 224 H/ 13 Mei 936 M dan wafat pada 3 Rabi'ul awal tahun 403H/ 23 Oktober 1012⁸²³. Al-Qabisi mendalami ilmu al-Quran, Hadith, Qiraat, Feqah Bahasa Arab sejak kecil hingga remaja, antara ulama yang menjadi guru beliau adalah abu al-Abbas, abu Muhammad Abdullah masrur al-Najib dan ramai lagi. Karya imam al-Qabisi *al-Risalah al-mufassalah li ahwalil al-Mutaalimin wa ahkam al-mualimun* (risalah yang menghuraikan hal ehwal pelajar dan hukum guru-guru dan pelajar-pelajar) dikarang pada pertengahan abad ke-4 hijrah, sehingga kini naskah tidak dapat ditemui akan tetapi yang terdapat adalah naskah tulisan tangan yang disalin pada tahun 706 hijrah dengan khat magribi yang jelas dan risalah ini ditahqiqkan oleh dr Fuad Ahwani (1955)⁸²⁴.

Pendekatan pengajaran imam al-Qabisi pada umat islam adalah dengan mempelajari dengan mendalam serta memahami maksud kandungan al-Quran, ditambah pula mencari guru-guru yang benar layak untuk mengajarkan al-Quran⁸²⁵. Menurut kajian daripada ahli Sejarah dan pandangan Ahwani dalam kitabnya menyatakan al-Qabisi mempunyai Sembilan kitab iaitu :

1. Kitab Mumahhid fi al-fiqh wal ahkam al-Diyanah
2. Kitab al-Muba'id shabh al-Ta'wil
3. Kitab al-Munabbih li al-Fathan 'an ghawa'il al-Fitan
4. Kitab al-Risalah al-Mufassilah li ahwal al-Muta'alimin wa ahkami al-Mu'alimin wa al-Muta'alimin
5. Kitab al-Itiqad
6. Kitab Manasik al-Haji
7. Kitab Mulakkhas al-Muwatta'
8. Kitab al-Risalah al-Nasiriyyah fi al-Radd 'ala al-Bakriyyah
9. Kitab Al-Zikri wa al-Du'a

Teori Pengajaran dan Pembelajaran Al-Qabisi

Al-Qabisi memperkenalkan model 'pemusatan dan perhubungan' ataupun dikenali sebaagai model neuklitik dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Model tersebut menjelaskan pendidikan Islam perlu bermula dengan isi-isi ilmu asas yang terdiri daripada ilmu

⁸²³ Muh. Iqbal, 'Kurikulum Dan Keodukasi Pendidikan Islam Pandangan Alqabisi', *Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah* 2, no. 1 (2019): 13–25.

⁸²⁴ Abdullah al-Amin An-Na'miy, *Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun Dan Al-Qabisi*. Terj. Mohd Romzi Omar (Selangor: Dewan Bahasa & Pustaka, 1994).

⁸²⁵ Fina Septia Fajri and Imas Kania Rahman, 'Kurikulum Islami PAUD Melalui Pendekatan Al-Qabisi', 2018.

al-Quran dan akhlak sebelum beralih kepada ilmu tambahan seperti matematik, bahasa, khat sejarah dan lain-lain⁸²⁶. Al-Qabisi menegaskan kebaikan yang diperolehi oleh seorang kanak-kanak dengan mempelajari al-Quran serta ilmu agama adalah pengekalan ilmu yang kekal abadi serta merupakan setinggi-tinggi kekayaan untuk seseorang individu. Al-Qabisi mengajar semua pendidik untuk beriltizam dengan nilai dan prinsip yang diambil daripada al-Quran⁸²⁷. Al-Qabisi juga menjelaskan pembelajaran tahfiz ini memberi nilai akhlak kepada murid, pendidikan dan akhlak saling memerlukan, pengabaian terhadap nilai akhlak dalam sistem pendidikan boleh memberi kesan yang buruk.

Kurikulum pendidikan menurut al-Qabisi terbahagi kepada dua iaitu kurikulum ijbari (wajib) dan ikhtiyari (pilihan). Kurikulum wajib yang dimaksudkan ialah solat, doa dan penguasaan terhadap ilmu nahu dan bahasa arab kerana kedua-duanya syarat penting untuk pemantapan ilmu al-Quran, fiqh, akhlak, khat dan membaca⁸²⁸. Kurikulum wajib yang dipelopori oleh al-Qabisi juga mementingkan tiga prinsip asas iaitu yang pertama tumpuan pengajaran ilmu al-Quran kerana ia akan mendekat diri dengan Allah serta makrifatullah (menenal Allah). Asas yang kedua kepentingan ilmu nahu adalah untuk kefahaman yang benar tentang kitab suci al-Quran. Asas ketiga mempelajari bahasa arab sebagai alat untuk memahami makna ayat al-Quran serta sebutan makhras huruf yang betul.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Qabisi iaitu dengan *Talqin* (mengajar) merupakan kaedah terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Guru membaca ayat al-Quran kemudian murid mengikuti bacaan guru dengan tajwid yang betul (*talaqqi musyafahah*). Kaedah *Tikrar* (latih tubi) Latih tubi yang dimaksudkan adalah pengulangan, kaedah ini untuk menghafaz, memelihara hafazan dan menguatkan hafazan, ia menuntut murid berterusan mengulangi ayat yang dihafaz supaya kekal dalam ingatan. *Al-mail* (cintakan al-Quran) Murid sentiasa memberi penumpuan terhadap bacaan dan hafazan al-Quran, murid harus mencintai al-Quran dan tidak mengabaikannya, al-Quran sentiasa belegar dalam ingatan murid. *Al-fahm* (memahami al-Quran) memahami makna al-Quran ketika menghafaz membantu supaya tidak mudah lupa, untuk mencapai kefahaman ayat al-Quran yang sempurna serta mudah untuk mengulangkaji serta penambahan kosa kata dalam Bahasa arab. Penambahan dua lagi kaedah dalam teori pengajaran al-Qabisi iaitu *At-tadabur* (menghayati al-Quran) menghayati al-Quran *Al-amal* (beramal dengan ajaran yang terkandung dengan al-Quran)⁸²⁹.

⁸²⁶ Ghazali Darusalam and Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan Dan Analisis Kajian*, 2nd ed. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2017).

⁸²⁷ An-Na'miy, *Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun Dan Al-Qabisi*. Terj. Mohd Romzi Omar.

⁸²⁸ Zetty Nurzuliana Rashed, 'Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains Dan Al-Quran Dalam Pengajaran Pendidikan Islam' (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).

⁸²⁹ Ibid.

PERMASALAHAN KAJIAN

Matlamat dan hala tuju pendidikan tahfiz untuk melahirkan murid yang berpotensi secara menyeluruh dan bersepadu, namun terdapat masalah yang wujud bagi menyampaikan kesepaduan pendidikan ini⁸³⁰ Antara masalah yang diperbincangkan dalam pendidikan tahfiz adalah keciciran sukatan hafazan tahunan memberikan implikasi besar terhadap pencapaian murid, menurut laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) menjelaskan hanya 30 orang daripada 584 orang murid telah khatam 30 juzuk al-quran, manakala 70 orang murid (48.60%) tidak dapat menghabiskan sukatan tingkatan tiga seterusnya meninggalkan juzuk berbaki (hutang sukatan hafazan) kerana perlu memulakan hafazan baru untuk sukatan tingkatan empat iaitu juzuk 19 hingga 25⁸³¹. Hal ini menyebabkan keciciran hafazan murid terkumpul dan bertambah pada setiap tahun. Senario ini juga berlaku di MRSM ulul albab apabila separuh daripada murid tidak menghabiskan 30 juzuk al-quran sepanjang lima tahun persekolahan⁸³².

Masalah lain yang dikenal pasti tenaga pengajar menjalankan rutin pengajaran tanpa ada sebarang inovasi dan hanya menggunakan teknik pengajaran traditional, serta kurang pendedahan dalam teknologi baru⁸³³. Penguasaan ilmu Pdpc di kalangan guru tahfiz yang lemah kerana menggunakan kaedah yang terdahulu dan pengajaran yang lama, hal ini kerana tiada modul pengajaran yang standard untuk diguna pakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran⁸³⁴. Guru tahfiz disarankan untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menyediakan bahan bantu mengajar untuk meningkatkan minat murid⁸³⁵.

Ketidakteraturan kaedah pembelajaran murid tahfiz memberikan impak kepada pencapaian hafazan murid⁸³⁶ Tambahan pula pengajaran tahfiz dilihat seperti kurang konsep kesepaduan dan ketiadaan model yang jelas sebagai rujukan menjadi isu dalam institusi pendidikan tahfiz⁸³⁷. Begitu juga terdapat saranan supaya diadakan kajian lanjutan penyediaan modul-modul latihan yang berkaitan dengan pengajaran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi melancarkan proses pengajaran guru-guru tahfiz⁸³⁸.

⁸³⁰ Fathiyah Mohd Fakhruddin et al., *Perkembangan & Perspektif Pembelajaran Tahfiz Di Malaysia*, 1st ed. (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2018).

⁸³¹ Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti, 'JNJK Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan TMUA', 2017.

⁸³² Mardhiah Binti Yahaya, 'Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains Mara' (Tanjong Malim, 2017).

⁸³³ Marzuqi, Rahim, and Hashim, 'Pendekatan Pengajaran Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia Teaching Approaches among the Tahfiz Al-Quran Lecturer in Malaysia'.

⁸³⁴ Mardhiah Binti Yahaya, 'Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains Mara', 2017.

⁸³⁵ Muhd Zulhilmi Bin Haron, 'Penilaian Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia' (Universiti Utara Malaysia, 2021).

⁸³⁶ Fathiyah Mohd Fakhruddin et al., 'Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia, *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 17, no. Number 2 (31 July 2020): 311–40, doi:10.32890/mjli2020.17.2.11.

⁸³⁷ Mardhiah Binti Yahaya et al., *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 2018.

⁸³⁸ Sri Andayani binti Mahdi Yusuf, 'Kesediaan Dan Amalan Guru Dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Sekolah Menengah Di Malaysia'.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengenalpasti keperluan membangunkan model pengajaran hafazan al-Quran dalam kurikulum bersepadu Tahfiz di Malaysia

(Fasa Analisis Keperluan)

- a) Mengenalpasti isu dan masalah yang dihadapi guru tahfiz dalam pengajaran hafazan al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Malaysia.
- b) Mengkaji pandangan guru Tahfiz terhadap keperluan pelaksanaan Model pengajaran hafazan al-Quran dalam KBT di Malaysia.
- c) Mengenalpasti persetujuan terhadap keperluan membangunkan model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) berdasarkan pandangan Guru-guru Tahfiz di Malaysia.

Mengenalpasti reka bentuk dan pembangunan model pengajaran hafazan al-Quran dalam

kurikulum bersepadu Tahfiz di Malaysia mengikut pandangan pakar.

(Fasa Reka Bentuk Model)

- a) Mengenalpasti komponen utama model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di sekolah-sekolah TMUA di Malaysia berdasarkan kesepakatan pakar.
- b) Mengenalpasti elemen-elemen dalam komponen utama model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di sekolah-sekolah TMUA di Malaysia berdasarkan kesepakatan pakar.
- c) Mengenalpasti model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di sekolah-sekolah TMUA di Malaysia berdasarkan komponen-komponen dan elemen-elemen yang disepakati oleh pakar.

Mengenalpasti kebolegunaan model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di sekolah TMUA di Malaysia berdasarkan kesepakatan pakar.

(Fasa Penilaian kebolegunaan)


- a) Mengenalpasti kesesuaian komponen utama model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di di Malaysia mengikut pandangan pakar.
- b) Mengenalpasti kesesuaian elemen-elemen utama model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di Malaysia mengikut pandangan pakar.
- c) Mengenalpasti kesesuaian aliran keutamaan elemen bagi setiap komponen utama model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di Malaysia mengikut pandangan pakar.
- d) Mengenalpasti pandangan pakar terhadap keseluruhan kebolegunaan model pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di sekolah-sekolah TMUA di Malaysia.
- e) Apakah pandangan pakar terhadap keseluruhan kebolegunaan model pengajaran ilmu pengajaran hafazan al-Quran dalam (KBT) di sekolah-sekolah TMUA di Malaysia?

METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan pendekatan penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan (PRP) atau dalam bahasa inggeris dikenali sebagai *Design and Development Research (DDR)*. Pendekatan DDR ini sebagai inovasi alternatif kepada kaedah penyelidikan yang sedia ada⁸³⁹. Kajian pembangunan merangkumi proses yang sangat sistematik dan teratur kerana ia melibatkan proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sesuatu produk yang dihasilkan⁸⁴⁰. Ringkasnya kajian ini akan melalui tiga fasa pelaksanaan PRP ubahsuai iaitu pada asalnya empat fasa penyelidikan tetapi diubah kepada tiga fasa sahaja, iaitu fasa pertama ; analisis keperluan, fasa kedua; rekabentuk dan pembangunan dan fasa ketiga; penilaian⁸⁴¹.

PRP ubahsuai mengandungi tiga proses iaitu yang pertama adalah untuk mengenal pasti keperluan-keperluan pembangunan satu model yang dilakukan sebelum reka bentuk dan pembangunan dilaksanakan, proses kedua pula untuk menentukan rekabentuk model menggunakan beberapa metode serta membangunkan model menggunakan beberapa metode yang bersesuaian, manakala yang ketiga penggunaan model dalam situasi sebenar dan keberkesanaannya dinilai menggunakan pendekatan tertentu.

Rajah 1 dibina bagi memaparkan aliran kajian yang menggunakan kaedah pendekatan *Design & Developmental and Research (DDR approach)*.



Rajah 1 : Kerangka metedologi Kajian

⁸³⁹ Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, And Rozaini Muhamad Rozkee, *Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk Dan Pembangunan*, Cetakan Ketiga (Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sukatan Idris, 2022).

⁸⁴⁰ R & Klien, J Richey, 'Design and Development Research' (london, 2007).

⁸⁴¹ Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, And Rozaini Muhamad Rozkee, *Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk Dan Pembangunan*.

Pengumpulan Data.

Fasa pertama (Fasa analisis keperluan):

- a) Kaedah perpustakaan dijalankan untuk mengumpul data berkenaan konsep pendidikan tahfiz dan kaedah pengajaran tahfiz di sekolah. Kajian perpustakaan ini juga penting untuk mendapatkan kajian terdahulu yang menyentuh isu dan cabaran yang melibatkan murid tahfiz bagi pembinaan instrumen protokol temubual bagi mencapai objektif kajian.
- b) Temubual mendalam pula dijalankan untuk mencapai objektif melibatkan pengalaman dan cabaran pendidikan tahfiz iaitu permasalahan dan keperluan yang dihadapi oleh golongan sasaran mengenai kaedah dan aplikasi pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah. Sasaran informen bagi temu bual mendalam ini ialah guru tahfiz (analisis keperluan), temu bual dilaksanakan terhadap enam orang guru tahfiz yang mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang tahfiz ini selama 10 tahun. Satu instrumen protokol temu bual yang dibangunkan. Transkrip temu bual yang disahkan oleh pakar dan informan dianalisis secara verbatim. Pada peringkat ini, fokus diberikan terhadap persoalan berkaitan keperluan membangunkan satu model pengajaran hafazan al-Quran dalam KBT.

Fasa kedua (Fasa reka bentuk dan pembangunan):

- a. Langkah selanjutnya adalah melaksanakan fasa kedua kajian dengan menggunakan kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) iaitu pakar yang terpilih dibenarkan secara bersemuka bagi memudahkan kajian. Proses NGT yang dijalankan bermula dengan pengkaji menyenaraikan senarai elemen pengajaran yang sesuai dijalankan, senarai elemen awal dibentangkan untuk mencetuskan idea dan perbincangan. Walaubagaimanapun pakar boleh memberi respon setuju atau tidak setuju pada elemen awal, hanya elemen yang disepakati oleh pakar sahaja yang akan masuk kepada model yang akan dibangunkan. Selain itu pakar juga dibenarkan untuk menambah idea tambahan dan elemen yang perlu dalam pembangunan model⁸⁴².
- b. Bahagian kedua pula bagi fasa ini untuk membangunkan model hafazan al-Quran berasaskan teori al-Qabisi pengkaji akan menggunakan Teknik *Interpretive Structural Modelling* (ISM). Teknik ISM digunakan untuk melihat keutamaan dan kedudukan setiap elemen item daripada konstruk yang dibincangkan dalam bahagian pertama. Kaedah ISM ini juga mengumpulkan sekumpulan pakar seramai 7 orang sebagai responden dengan mendapatkan consensus pakar. Pengkaji memilih untuk menggunakan Kaedah *Interpretive Structural Modelling* (ISM) atau Permodelan

⁸⁴² A Muqsith Ahmad et al., 'Nominal Group Technique (Ngt) Dan Aplikasinya Terhadap Pembinaan Elemen Etika Dan Nilai (Akhlaq) Berasaskan Aktiviti Inkuiri 125 Politeknik &', *Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 1, 2017.

Interprestasi Berstruktur yang diperkenalkan oleh pengasasnya John Warfield (1976, 1982). Kaedah ini adalah untuk pembangunan model yang bersifat penyelesaian masalah berstruktur⁸⁴³. ISM juga dikenali proses bantuan komputer iaitu pembelajaran yang membantu kumpulan pakar atau individu dalam bidang yang ingin di kaji, ISM dilihat sebagai alat pembuat keputusan yang tepat dan berkesan dan sangat sesuai digunakan dalam isu berkaitan dengan Pendidikan⁸⁴⁴.

Fasa ke tiga (fasa penilaian kebolegunaan):

- a. Dalam fasa ketiga ini kaedah *Nominal Group Technique* (NGT) diaplikasi untuk mendapatkan penilaian protaip model yang dihasilkan dalam fasa reka bentuk. NGT merupakan proses membuat keputusan melalui satu perbincangan kumpulan kecil secara bersemuka. Perbincangan setiap ahli ini bertujuan sebagai proses sumbangsaran serta pencetusan idea mengenai sesuatu isu. Kaedah ini penting agar peserta berupaya berkongsi pandangan dengan lebih teliti dan mendalam seterusnya menghasilkan keputusan yang terbaik dalam isu yang dibincangkan.
- b. Dengan bilangan persampelan yang kecil, pemilihan peserta/sampel adalah sangat penting. peserta yang terlibat dalam kaedah NGT perlulah berpengetahuan luas serta pakar dalam bidang yang diwakili. Seramai 24 orang pakar dipilih dalam kajian ini meliputi pakar bidang tahfiz, penggubal kurikulum dan kepakaran pembinaan model.

Proses Kajian Rekabentuk dan Pembangunan Model Pengajaran Hafazan al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Malaysia menerusi jadual 1 seperti berikut :

Fasa kajian	Alat kajian (instrumen)	Jangkaan Hasil
Fasa pertama: Analisis keperluan	Protokol temu bual	Rumusan keperluan membangunkan model dan cadangan elemen
Fasa kedua: Reka bentuk dan pembangunan model	Nominal Group Technique (NGT) <i>Interpretive Structural Modelling</i> (ISM)	Prototaip reka bentuk dan pembangunan model berdasarkan konstruk dan elemen yang disepakati oleh pakar.
Fasa ketiga:	Kumpulan Teknik	Model akhir yang sepadan dengan data di

⁸⁴³ Saedah Siraj, Muhammad Ridhian Tony Lim Abdullah, And Rozaini Muhamad Rozkee, *Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk Dan Pembangunan*.

⁸⁴⁴ Saedah Binti Siraj Et Al., 'Aplikasi Interpretive Structural Modeling untuk Pembinaan Model Elemen Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak', *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 9, No. 3 (2021): 18–27.

Penilaian model Nominal	lapangan
(NGT)kumpulan pakar	

Jadual 1 : Ringkasan reka bentuk kajian mengikut fasa

JANGKAAN HASIL KAJIAN

Model pengajaran hafazan al-Quran yang diketengahkan dalam kajian ini diharapkan dapat dilaksanakan sebaiknya dan impak kajian ini dapat membantu menambah nilai dalam kajian bidang pendidikan tahfiz, selain membantu pihak-pihak yang terlibat dengan institusi tahfiz dengan model yang akan dibangunkan sebagai panduan dalam pembentukan program pendidikan tahfiz al-Quran di Malaysia. Di akhir kajian ini Model Pengajaran Hafazan al-Quran berasaskan teori abu hasan al-Qabisi dalam memperkasakan Kurikulum bersepadu tahfiz (KBT) dapat dibangunkan sekaligus meningkatkan kualiti dan martabat kurikulum tahfiz serta membantu mencapai objektif untuk melahirkan murid tahfiz yang holistik dan bersepadu seperti yang telah digariskan oleh dasar Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani. 2016. "Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahfiz Malaysia Ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih." In , 5–9. Kuala Kubu Bharu: Darul Quran Jakim.
- Abdullah Al-Amin An-Na'miy, And Terjemahan Mohd Romzi Omar. 1994. *Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun Dan Al-Qabisi*. Selangor: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Na'miy, Absullah Al-Amin, And Mohd Ramzi Omar. 1994. *Kaedah Dan Teknik Pengajaran: Menurut Ibn Khaldun Dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Ahamd Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abdul Mutalib, And Wan Marzuki Wan Jaafar. 2018. *Perkembangan & Perspektif Pembelajaran Tahfiz Di Malaysia*. 1st Ed. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ghazali Darusalam, And Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan Amalan Dan Analisis Kajian*. 2nd Ed. Universiti Malaya.
- Juriah Long. 2010. *Kaedah Pengajaran&Pembelajaran Bahasa Melayu*. 1st Ed. Bangi: Penerbit Ukm.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2015. "Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz."

- Kecemerlangan, Strategi, Institusi Pendidikan, Tahfiz Al-Quran, Di Malaysia, : Satu, Tinjauan Literatur, Mohd Jamalil, Et Al. N.D. “Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari Issn 2289 6325 Bil.” Vol. 15. Julai.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2013. “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025(Pendidikan Pra Sekolah Hingga Lepas Menengah).”
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2016. “Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil 1 2016 : Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab Di Sekolah Menengah Kpm.”
- Marzuqi, Mohamad, Abdul Rahim, And Azmil Hashim. 2017. “Pendekatan Pengajaran Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia Teaching Approaches Among The Tahfiz Al-Quran Lecturer In Malaysia.” *Jurnal Perspektif: Special Issue 1*: 79.
- Mardhiah Binti Yahaya. 2017. “Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab rendah Sains Mara.” Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Fakhruddin, Fathiyah, Sharini Che Ishak, Asmawati Suhid, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib, And Wan Marzuki Wan Jaafar. 2020. “Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia (Process And Method Of Tahfiz Learning Among Students In Malaysian Government Religious Secondary Schools).” *Malaysian Journal Of Learning And Instruction* 17 (Number 2). Uum Press, Universiti Utara Malaysia: 311–40. Doi:10.32890/Mjli2020.17.2.11.
- Muh. Iqbal. 2019. “Kurikulum Dan Keodukasi Pendidikan Islam Pandangan al-Qabisi.” *Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah* 2 (1): 13–25.
- Muqsith Ahmad, A, Zaharah Hussin, Farazila Yusof Fakulti Kejuruteraan, Mohd Ridhuan Mohd Jamil Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, And Politeknik Nilai. 2017. “Nominal Group Technique (Ngt) Dan Aplikasinya Terhadap Pembinaan Elemen Etika Dan Nilai (Akhlak) Berasaskan Aktiviti Inkuiri 125 Politeknik &.” *Kolej Komuniti Journal Of Social Sciences And Humanities*. Vol. 1.
- Nor Asniza Ishak, Hazri Jamil, And Nordin Abd Razak. 2020. *Pedagogi Meningkatkan Kualiti Intelektual Pelajar*. Edited By Nor Azlina Mohd Zubaidi. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Usm.
- Richey, R.C., & Klein, J.D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203826034>.
- Saedah Binti Siraj, Abdul Halim Bin Masnan, Azli Bin Ariffin, Masayu Bt Dzainudin, Nurul Ain Norman, And Zaharah Hussin. 2021. “Aplikasi Interpretive Structural Modeling untuk Pembinaan Model Elemen Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak.” *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 9 (3): 18–27.

Saedah Siraj, Muhammad Ridhian Tony Lim Abdullah, And Rozaini Muhamad Rozkee. 2022. *Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk Dan Pembangunan*. Cetakan Ketiga. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Suktan Idris.

Fajri, Fina Septia, and Imas Kania Rahman. 2018. "7 Kurikulum Islami Paud Melalui Pendekatan Al-Qabisi." *Prosiding Bimbingan Konseling* : 52-58.

Sri Andayani Binti Mahdi Yusuf. 2019. "Kesediaan Dan Amalan Guru Dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Sekolah Menengah Di Malaysia." Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia

Yahaya, Mardhiah Binti, Zetty Nurzuliana, Binti Rasheed, Aslam Farah, And Binti Selamat. 2018. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*.

Zetty Nurzuliana Rashed. 2015. "Amalan Pengintegrasian Ilmu Sains Dan Al-Quran Dalam Pengajaran Pendidikan Islam." Tesis Phd: Universiti Kebangsaan Malaysia.